PANDUAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021
PENDIDIKAN ISLAM 1223/1
NEGERI JOHOR.
( JKD PI TANGKAK )

| SOALAN | | | PANDUAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | a | i | Dua larangan Allah SWT dalam ayat<br>• Rasuah<br>• Riba<br>• Judi<br>• Mencuri<br>• Merompak<br>• Menipu<br>• Salah guna kuasa | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Dua kesan perbuatan rasuah<br>• Allah SWT dan rasulNya melaknat pemberi dan penerima rasuah.<br>• Menjadikan individu hilang harga diri.<br>• Melumpuhkan ekonomi negara ] akibat daripada kos pengurusan yang meningkat.<br>• Meningkatkan kes jenayah dalam masyarakat. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah<br><br>**Isi shj**<br>**tanpa huraian** |
| | | iii | Pengajaran ayat<br>• Sebagai umat Islam kita hendaklah mencari rezeki yang halal **agar tidak menyalahi syariat Islam.**<br>• Sebagai umat Islam kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah **supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.**<br>• Sebagai umat Islam kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu **untuk mendapatkan kepentingan tertentu.**<br><br>• **Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima** | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah<br><br>**Isi**<br>= 1 markah<br><br>**Huraian**<br>= 1 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | b | i | Dua Golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain pemimpin<br><br>• Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT.<br>• Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>• Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>• Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>• Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>• Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Dua Contoh pemimpin yang adil<br><br>• Memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi.<br>• Mencegah kemungkaran daripada berleluasa. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | iii | Cara untuk menjadi pemimpin yang hebat<br><br>• Mempersiapkan diri dengan ilmu agama dan pengetahuan semasa **agar dapat memimpin rakyat ke jalan kebenaran.**<br>• Sentiasa bersedia menerima kritikan rakyat **untuk kebaikan bersama.**<br>• memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan **untuk pembangunan negara.**<br>• Memiliki nilai integriti dalam diri **supaya disegani dan dipercayai orang lain.**<br>• Bersikap tolak ansur, sabar dan mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat **dengan baik dan berhemah.**<br><br>• **Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima** | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah<br><br>**Isi**<br>= 1 markah<br><br>**Huraian**<br>= 1 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iv | KBAT – | 4 markah<br><br>I-1m<br><br>H-1m<br><br>HL-1m<br><br>K/OM-1m |

| Kriteria | skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja . | 1 markah |
| Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. | 2 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . | 3 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 markah |

KBAT : Menyokong hujah kebaikan bersedekah

Cadangan isi:

- tidak mengurangkan rezeki
- mendapatkan keberkatan
- mendapat gantian rezeki / dilipatgandakan rezeki dalam pelbagai keadaan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | c | | Hukum dan cara bacaan mad silah / mad lazim | 2 isi x 2 markah<br>= 4 markah |

| No | Potongan ayat bergaris | **Hukum** | **Cara bacaan** |
|---|---|---|---|
| i | الٓمٓصٓ | Mad lazim harfi musaqqal | di baca secara idgham/ dibaca dengung |
| ii | بِهِۦ | Mad silah qasirah | panjang dua harakat |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | a | i | Maksud al Muntaqim<br><br>• ialah nama Allah SWT Maha Pembalas (1M) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. (1M) | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Bukti kefahaman Allah SWT bersifat al Muntaqim<br><br>1. Allah SWT memberikan pembalasan dengan siksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>2. Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-dhukhan.<br>3. Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamaNya. | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |
| | b | i | Dua Contoh **iktikad yang membatalkan iman** dari segi **uluhiyyat**<br><br>• Mengingkari kewujudan Allah SWT<br>• Mengingkari sifat kesempurnaan Allah SWT<br>• Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak bagiNya.<br>• Menyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah alam.<br><br>• **Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima.** | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Cara menjauhi perkara membatalkan iman ialah<br><br>• Mendalami ilmu akidah Islam **supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur**.<br>• Bersahabat dengan orang soleh **agar dapat membimbing diri kepada kebaikan.**<br>• Melakukan amalan soleh **supaya dapat mengukuhkan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul.**<br>• Berdoa dan memohon pertunjuk Allah SWT **agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam.**<br><br>• **Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima.** | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah<br><br>**Isi**<br>= 1 markah<br><br>**Huraian**<br>= 1 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iii. | KBAT<br><br>\| Kriteria \| skor \|<br>Menyatakan hujah sahaja . — 1 markah<br>Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. — 2 markah<br>Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . — 3 markah<br>Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4 markah<br><br>KBAT – kesan seseorang yang melakukan amalan yang membatalkan iman<br><br>Cadangan isi:<br>• Rosaknya segala amalan soleh yang dilakukan.<br>• Dosa tidak akan diampunkan oleh Allah SWT jika tidak bertaubat.<br>• Diharamkan masuk syurga dan kekal dalam neraka. | 4 markah<br>I-1m<br>H-1m<br>HL-1m<br>K/OM-1m |
| | c | i | Dua nama lain Ahli Sunnah ialah<br>• Al-Salafussoleh<br>• Al-Asya'irah<br>• Al-Maturidiyyah<br>• Ahlul Hadis | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |

| Kriteria | skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja . | 1 markah |
| Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. | 2 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . | 3 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | ii | **Prinsip akidah** Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah<br><br>• Iman ialah kepercayaan dan keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.<br><br>• Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya atau tidak serta dikira sebagai pahala atau dosa.<br><br>• Menyakini kewujudan perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan hadis.<br><br>• Menyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk.<br><br>• Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin Allah SWT termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman.<br><br>• Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat Allah SWT kepada manusia. | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |
| | | iii | Perbezaan ASWJ dengan Muktazilah | 2 isi x 2 markah<br>= 4 markah |

| | ASWJ | Muktazilah |
|---|---|---|
| a | Pelaku dosa besar masih dikira mukmin bukan kafir. Namun dihukum fasik jika tidak bertaubat kepada Allah SWT. | Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mkmin dengan kafir dan mereka kekal dalam neraka |
| b | Menyakini bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan | Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Sebaliknya iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman akan hilang apabila melakukan kemungkaran |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | a | i | <u>Maksud sembelihan</u><br><br>- Menyembelih haiwan yang halal dimakan dagingnya (1M) dengan cara memutuskan urat halkum dan urat marik.(1M) | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | <u>Hukum sembelihan</u><br>Wajib | 1 isi x 1 markah<br>= 1 markah |
| | | iii | <u>Hikmah sembelihan **dari sudut sains.**</u><br>1. Membezakan antara daging yang halal dan daging yang haram **supaya ibadah diterima**.<br>2. Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang **seperti toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang**.<br>3. Mempercepatkan proses kematian binatang **kerana disembelih secara sempurna.** | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah<br><br>**Isi**<br>= 1 markah<br><br>**Huraian**<br>= 1 markah |
| | b | i | <u>Hukum muamalat</u><br><br>Harus | 1 isi x 1 markah<br>= 1 markah |
| | | ii | <u>Perbezaan antara muamalat Islam dan konvensional.</u> (see table below) | 1 isi x 2 markah<br><br>= 2 markah<br><br>Catatan markah : Mestilah mempunyai perbezaan jawapan. Sekiranya calon tidak menulis jawapan pada mana-mana kotak dan 1 jawapan yang diberi adalah betul pelajar akan dapat 0 markah. |

| Muamalat Islam | Konvensional |
|---|---|
| Bersumberkan dalil al-Quran dan as-Sunnah. | Bersumberkan teori pemikiran manusia semata-mata. |
| Mengharamkan riba. | Mengamalkan riba. |
| Bebas daripada unsur judi dan gharar. | Mengandungi unsur judi dan gharar. |
| Berteraskan keimanan kepada Allah SWT. | Berteraskan keuntungan dan kekayaan. |

| | | |
|---|---|---|
| / | / | 2m |
| / | X | 1m |
| / | Tiada jawapan | 0m |
| X | X | 0m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | c | i | <u>Rukun nikah</u><br><br>- Bakal suami<br>- Bakal isteri<br>- Dua orang saksi<br>- Wali<br>- Lafaz akad nikah (ijab dan qabul) | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | <u>Sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim</u><br><br>- Tidak mempunyai wali nasab.<br>- Wali nasab berada jauh melebihi 2 marhalah.<br>- Wali hilang dan tidak dapat dikesan.<br>- Saudara baharu (mualaf) yang tiada wali nasab yang layak.<br>- Anak tidak sah taraf.<br>- Wali dalam ihram haji atau umrah.<br>- Wali enggan mewalikan pernikahan.<br>- Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan tersebut dan tiada wali lain yang setaraf. ( sepupu lelaki yang akan mengahwini sepupu perempuan ) | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | d | i | <u>Maksud wasiat</u><br><br>- Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidup untuk mengagihkan harta (1M) selepas kematiannya menurut hukum syarak .(1M) | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | ii | <u>Syarat sah bagi pewasiat</u><br><br>- Berakal<br>- Baligh<br>- Sukarela<br>- Merdeka | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | iii | KBAT | 4 markah<br><br>I-1m<br><br>H-1m<br><br>HL-1m<br><br>K/OM-1m |

| Kriteria | skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja . | 1 markah |
| Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. | 2 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . | 3 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 markah |

KBAT : Kesan yang akan berlaku sekiranya tidak melaksanakan wasiat

cadangan isi :

- Menyebabkan berlakunya pertelingkahan di kalangan ahli waris.
- Urusan pembahagian harta pusaka akan tertangguh.
- Dana / Aset tersebut akan terbiar /tidak boleh diusahakan/ tidak boleh diuruskan.
- Menyebabkan orang yang hampir dengan si mati seperti anak angkat tidak dapat hak pemilikan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | a | i | Dua ciri kepimpinan Khalifah Abu Bakar As-Siddiq r.a<br>• Tegas memerangi golongan murtad / nabi palsu / golongan yang enggan membayar zakat.<br>• Berpandangan jauh seperti mengarahkan Zaid bin Thabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-Quran.<br>• Setia dengan arahan Rasulullah SAW untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai panglima angkatan tentera Islam.<br>• Mengamalkan Syura dalam menentukan strategi peperangan. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Pencapaian Khulafa' Al - Rasyidin **dari aspek agama**<br>• Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.<br>• Menyebarkan dakwah Islam sehingga tersebar di wailayah Mesir, Parsi dan Rom. | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |
| | b | i | Dua riwayat hidup Imam Malik<br>• Nama sebenar Malik bin Anas Al-Madani.<br>• Lahir pada tahun 93 Hijrah.<br>• Tempat lahir di Madinah.<br>• Wafat pada 179 Hijrah. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu<br>• Sanggup berpanas terik.<br>• Sanggup menahan kesejukan.<br>• Sanggup berkorban dalam apa jua keadaan. | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>KBAT<br><br>

| Kriteria | skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja . | 1 markah |
| Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. | 2 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . | 3 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 markah |

KBAT : Mencontohi ketinggian akhlak Imam Malik untuk menjadi pelajar yang Berjaya.<br><br>Cadangan isi:<br>• Sanggup berkorban harta / masa<br>• Memuliakan majlis pengajian ilmu<br>• Menghormati dan mencintai ilmu<br>• Mengasihi Rasulullah SAW</td><td>4 markah<br>I-1m<br>H-1m<br>HL-1m<br>K/OM-1m<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td>i</td><td>Dua pusat pemerintahan Kerajaan Uthmaniah<br>• Sogut<br>• Bursa<br>• Edirne<br>• Istanbul</td><td>2 isi x 1 markah<br>= 2 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | ii | Dua faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniah **dari aspek sosial**<br><br>• Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan.<br>• Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.<br>• Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | d | i | Dua cara mencontohi ketinggian akhlak Hassan al Banna<br><br>• Memuliakan orang yang warak dan soleh.<br>• Gigih menggerakkan usaha dakwah.<br>• Berlapang dada apabila terdapat perbezaan pandangan. | 2 isi x 1 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Sumbangan Hassan al Banna **dalam organisasi**<br><br>• Mengasaskan pertubuhan Ikhwanul Muslimin / Ikhwan al-Muslimin | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | a | i | Maksud khauf<br>- Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT (1m) / dengan menjauhi segala laranganNya. (1m) | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |
| | | ii | Contoh khauf dan raja’ yang diamalkan oleh Rasulullah SAW<br>- Contoh 1.<br>Rasulullah SAW mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan khusyuk. Pada sujud terakhirnya, baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azab. Lalu Rasulullah SAW merintih dengan barsabda : “Wahai Tuhanku bukankah engkau telah berjanji kepada aku untuk tidak mengazab mereka pada ketika aku ada bersama-sama mereka? Tuhanku, bukankah engkau telah berjanji kepada aku untuk tidak mengazab mereka apabila mereka memohon ampun? Sekarang kami sedang memohon ampun kepadamu.”<br><br>- Contoh 2.<br>Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar. Rasulullah SAW bertanya tentang perasaannya pada ketika itu. Lelaki itu memberitahu baginda bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah SWT dan berasa sangat takut akan dosa-dosa yang pernah dilakukannya. Lalu Rasulullah SAW bersabda :<br>لَايَجْتَمِعَانِ فِي قَلبِ عَبْدٍ فِي مِثْلِ هَذَا الْمَوْطِنِ إِلَّا اَعْطَاهُ<br>اللهُ مَا يَرْجُو، وَآمَنَهُ مِمَّا يَخَافُ.<br>(رواية الترمذي)<br><br>مقصود :<br>تيدق برهيمڤون كدوا-دواڽ دالم هاتي سسأورڠ همبا الله<br>قد كتيک ايت ملاءينكن الله ﷻ ممبريكن اڤ يڠ دهارڤكن<br>دان ميلامتكن درڤد اڤ٢ يڠ دتاكوتيڽ.<br><br>Maksud : Tidak berhimpun kedua-duanya dalam hati seseorang hamba Allah pada ketika itu melainkan Allah SWT memberikan apa yang diharapkan dan menyelamatkannya daripada apa-apa yang ditakutinya.<br><br>**Catatan :**<br>**Jawapan pelajar tak semestinya tepat seperti contoh di atas, tetapi….**<br>**Olahan Jawapan pelajar mestilah menepati contoh diatas dari segi maksudnya dan mengandungi Khauf dan raja’ .** | 1 isi x 2markah<br>= 2markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iii | Cara mendapatkan raja'<br><br>-Mengharapkan keredhaan Allah SWT **dengan melakukan amal ibadah / menjauhi perbuatan maksiat.**<br>- Ganjaran syurga menjadi motivasi **untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.**<br>**- Tidak berputus asa terhadap rahm**at Allah SWT **untuk mendorong seseorang berlumba-lumba melakukan ibadah.**<br>- Melaksanakan amal ibadah **dengan penuh kesungguhan dan istiqamah.**<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima.** | 1 isi x 2 markah<br>2 markah<br><br>**Isi**<br>= 1 markah<br><br>**Huraian**<br>= 1 markah |
| | | iv | Hikmah khauf dan raja'.<br><br>- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan.<br>- Melahirkan insan yang bersungguh sungguh dalam setiap pekerjaan kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap perbuatannya.<br>- Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah SWT kerana takut akan kemurkaanNya.<br>- Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan supaya mendapat kemanisan iman.<br>- Melahirkan insan yang sentiasa bertawakkal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh.<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima.** | 1 isi x 2 markah<br>= 2 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | b | i | Maksud istiqamah<br>- Ketaatan yang berterusan (1m) dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya.(1m) | 1 isi x 2markah = 2markah |
| | | ii | Cara memiliki sifat istiqamah<br><br>- Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah.<br>- Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT **agar** dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan laranganNya secara berterusan.<br>- Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para rasul **agar** istiqamah melakukan kebaikan.<br>- Sentiasa muhasabah diri **agar** ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan.<br>- Sentiasa mempelajari ilmu secara istiqamah **supaya** menjadi amalan dalam kehidupan.<br>- Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin **agar** terdorong melakukan kebaikan.<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan munasabah diterima.** | 2 isi x 2markah = 4markah<br><br>**Isi** = 1 markah<br>**Huraian** = 1 markah |
| | | iii | Contoh sifat istiqamah Rasulullah SAW dalam berdakwah<br><br>- Contoh 1<br>Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman. Sifat istiqamah Rasulullah SAW dalam berdakwah terserlah melalui ketegasan baginda yang tidak akan meninggalkan usaha dakwah walaupun digantikan dengan kesenangan dunia.<br><br>**Catatan :**<br>**Jawapan pelajar tak semestinya tepat seperti contoh di atas, tetapi….**<br>**Olahan Jawapan pelajar mestilah menepati contoh diatas dari segi maksudnya dan mengandungi sifat istiqamah Rasulullah SAW dalan berdakwah.** | 1 isi x 2 markah = 2 markah. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iv | KBAT<br><br>\| Kriteria \| skor \|<br>Menyatakan hujah sahaja . — 1 markah<br>Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. — 2 markah<br>Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . — 3 markah<br>Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4 markah<br><br>KBAT – Kenapa ramai pelajar tidak mengikuti PDPR<br>Cadangan isi:<br>• Pelajar bekerja<br>• Tidak berdisiplin / Tidak pandai mengurus masa<br>• Tiada pemantauan ibubapa / ibubapa bekerja<br>• Tiada peranti / liputan talian / berkongsi peranti<br>• PDPR / pedagogi guru kurang menarik | 4 markah<br>I-1m<br>H-1m<br>HL-1m<br>K/OM-1m<br>= 4 markah |

Kriteria table:

| Kriteria | skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja . | 1 markah |
| Menjelaskan hujah dan huraian ringkas. | 2 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan . | 3 markah |
| Menjelaskan hujah, huraian ringkas dan huraian yang lengkap yang menyebut alasan atau sebab atau dalil sokongan serta mengandungi ayat kesimpulan atau Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 markah |

**PANDUAN PEMARKAHAN TAMAT**